



---

## Fwd: MAKLUMAN PENGOPERASIAN KAUNTER BAHAGIAN PENDAFTARAN SECARA SISTEM E-JANJI TEMU DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (PPTGWPKL) MULAI 25 MEI 2021

---

Bar Council <council@malaysianbar.org.my>

Mon, May 24, 2021 at 5:21 PM

To:

----- Forwarded message -----

From: **Nor Laili Binti Safin** <laili@ptgwp.gov.my>

Date: Mon, May 24, 2021 at 5:18 PM

Subject: MAKLUMAN PENGOPERASIAN KAUNTER BAHAGIAN PENDAFTARAN SECARA SISTEM E-JANJI TEMU DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (PPTGWPKL) MULAI 25 MEI 2021

To: <council@malaysianbar.org.my>, <secretariat@sgorbar.org>, <klbc@klbar.org.my>

Cc: Mohd Firdaus Bin Ibaruslan <mohdfirdaus@ptgwp.gov.my>, Nor Hanisha Binti Abu Bakar <nisha@ptgwp.gov.my>

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Dengan hormat saya merujuk perkara di atas.

2. Berikutan pengumuman Kerajaan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 telah diperketatkan berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19, oleh yang demikian pengoperasian Kaunter Bahagian Pendaftaran di PPTGWPKL akan beroperasi **secara terhad** menggunakan Sistem e-Janji Temu di Portal Awam e-Tanah yang boleh dicapai melalui <https://www.ptgwp.gov.my/etanah-awam/>. Permohonan dibuka kepada pelanggan **mulai 24 Mei 2021** seperti ketetapan berikut:

**2.1 Waktu Operasi Kaunter : 8:00 pagi hingga 2:00 petang**

**2.2 Slot Temujanji : 80 (setiap firma terhad kepada empat (4) slot sahaja setiap hari)**

**2.3 Bilangan Bundle Perserahan : 2 bundle bagi setiap slot dimohon**

3. Para pelanggan yang hadir ke premis PPTGWPKL adalah **diwajibkan untuk mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan**. Bersama-sama ini disertakan maklumat lanjut berkenaan manual pengguna dan soalan lazim berhubung Sistem e-Janji Temu. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan Sistem e-Janji Temu boleh hubungi Meja Bantuan Sistem e-Tanah di talian 03-2693 6429/ 03-2610 3337.

4. Pentadbiran ini turut ingin memaklumkan bahawa semua operasi perkhidmatan secara *online* yang melibatkan Carian Persendirian, Permohonan Carian Rasmi, Permohonan Kebenaran Pindahmilik, Bayaran-Bayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak, Permohonan Pembangunan dan Pelupusan Tanah boleh dilaksanakan melalui gerbang Portal Rasmi PPTG WPKL serta gerbang *Single Window Search* (SWS), dan para pelanggan adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan tersebut.

5. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

*nl*

**(Nor Laili Bt Safiin)**

Penolong Pengarah

Bahagian Pendaftaran

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

Aras G-6, Rumah Persekutuan

Jalan Sultan Hishamuddin

**50678 KUALA LUMPUR**

Tel: 03-2610 3404 | Fax: 03-2610

✉: [laili@ptgwp.gov.my](mailto:laili@ptgwp.gov.my) 🌐: [www.ptgwp.gov.my](http://www.ptgwp.gov.my)

Amalan **Go Green-Paperless**.

Sila pertimbangkan keperluan dan alam sekitar sebelum mencetak e-mel ini.

*Please consider the needs and environment before printing this email.*

--

Regards,

Bar Council Secretariat

Wisma Badan Peguam Malaysia

2 Leboh Pasar Besar

50050 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +603-2050 2050

Fax: +603-2050 2019

Email: [council@malaysianbar.org.my](mailto:council@malaysianbar.org.my)

Website: <https://www.malaysianbar.org.my>



**NOTICE:** This message (which includes any attachments) is intended only for the person(s) to whom it is addressed, and may contain information that is confidential, privileged and/or otherwise protected from disclosure. If you are not the intended recipient, Bar Council Malaysia informs you that: (a) you must not reproduce, distribute, disclose, or act in reliance on the content of this message; and (b) you must immediately destroy all copies (electronic or otherwise) of the message. Kindly also notify the sender immediately by reply email, or contact us by telephone at +603 2050 2050.

This message is subject to the risks of electronic and Internet communication. Bar Council Malaysia does not accept liability for any loss or damage caused by any delay, interception, unauthorised amendments, computer virus and/or other harmful elements infecting this message, which arise as a result of this form of communication.

---

### 3 attachments

 **FAQ E-JANJITEMU AS 24052021.pdf**  
98K

 **Panduan Pengguna e-Janjitemu.pdf**  
1591K



**Hebahan e-Janji Temu Update - 24052021.pdf**

29K

**PELAKSANAAN SISTEM e-JANJI TEMU BAGI PERSERAHAN  
URUSNIAGA DAN BUKAN URUSNIAGA  
DI PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Selaras dengan keputusan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Diperketatkan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) akan melaksanakan Sistem e-Janji Temu yang boleh diakses di Portal Awam e-Tanah PPTG WPKL mulai 25 Mei 2021. Tarikh tempahan janji temu akan bermula pada 25 Mei 2021.

Sistem e-Janji Temu atau janji temu online adalah platform yang membolehkan pelanggan membuat permohonan janji temu untuk mendapatkan perkhidmatan perserahan urusan urusniaga dan bukan urusniaga di PPTGWPKL.

Syarat-syarat yang ditetapkan bagi tempahan e-Janji Temu PPTGWPKL adalah seperti berikut:

- i) Tempahan di dalam e-Janji Temu boleh dibuat oleh semua pengguna awam yang mempunyai ID dan kata laluan Portal Awam e-Tanah.
- ii) e-Janji Temu boleh dibuat **mulai 25 Mei 2021**.
- iii) Tempahan bagi setiap firma guaman adalah terhad kepada empat (4) slot sahaja setiap hari.
- iv) Slip dan kod QR janji temu akan dijana selepas tempahan berjaya dibuat. Slip atau imej kod QR tersebut hendaklah dikemukakan ketika berurusan di kaunter berkenaan.
- v) Pemohon perlu berada di pejabat ini **30 minit sebelum waktu** janji temu. Pejabat ini berhak untuk membatalkan janji temu sekiranya lewat.
- vi) Pemohon hendaklah membatalkan tempahan e-Janji Temu sekiranya tidak dapat hadir. Pejabat ini akan memantau prestasi kehadiran. Pemohon yang didapati sengaja menyalahgunakan sistem akan disekat daripada berurusan.
- vii) Semua peguam dan wakil firma guaman **diwajibkan** untuk membuat tempahan janji temu melalui e-Janji Temu bagi urusan perserahan urusniaga dan bukan urusniaga. Mana-mana peguam dan wakil firma yang hadir tanpa tempahan janji temu daripada firma guaman tidak dibenarkan membuat perserahan.

Mulai 25 Mei 2021, semua wakil firma yang ingin membuat perserahan dikehendaki mengemukakan slip janji temu yang dijana daripada Portal Awam e-Tanah PPTGWPKL.

Sila rujuk Tutorial Penggunaan, Manual Pengguna dan Soalan Lazim berhubung e-Janji Temu untuk maklumat lanjut.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
24 Mei 2021